

RANCANGAN PERNIAGAAN
ETR 300

IDYLLIQUE DESIGN & DECO
HIASAN DALAMAN

ITM CAWANGAN MELAKA



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: **16hb. Jun 1997**
Surat Tuan:
Surat Kami: **100-CM(AKA 37/B)**

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 **06-5591067**

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.


<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Nurazwah Mohd Yusof	95562757
2.	Noraini Idris	95697457
3.	Norazura Md Nor	95586422
4.	Mazlina Razali	95737820
5.	Zalodia Ramli	95702566

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebar kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Provos

SURAT PENYERAHAN

Projek Hiasan Dalaman
Idyllique Design & Deco,
Diploma Pentadbiran Awam,
Institut Teknologi Mara,
78000 Alor Gajah,
Melaka.

8 Ogos 1997

Dr Yusof
Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)
Institut Teknologi Mara,
78000 Alor Gajah,
Melaka.

Encik

Penyerahan Laporan Rancangan Perniagaan

Merujuk kepada perkara di atas, dengan sukacitanya kami menyerahkan Rancangan Perniagaan yang telah kami sempurnakan dengan tertubuhnya satu perkongsian bernama Idyllique Design & Deco yang mereka bentuk hiasan dalaman.

2. Rancangan Perniagaan ini menyediakan maklumat yang dikehendaki bagi menubuhkan sebuah perniagaan perniagaan hiasan dalaman yang menawarkan pelbagai kemudahan serta perkhidmatan kelengkapan rumah seperti yang dikehendaki oleh pelanggan.
3. Projek ini akan memberikan panduan bagi kami untuk merangka perkara yang perlu dihadapi dalam perniagaan ini di masa hadapan Dengan ini kami dari Idyllique Design & Deco menyerahkan Rancangan Perniagaan kami untuk semakan dan penilaian oleh pihak tuan.

ISI KANDUNGAN

TAJUK

Surat Pengesahan	
Surat Penyerahan	
Sekapur Sireh	i
Ucapan Penghargaan	ii
Mukaddimah	iv
Logo dan Pengertian	v
Surat Perjanjian Perkongsian	vii
Borang Penamaan Waris Kongsi	xii
Letterhead /	xiii
1.0 Pengenalan	1
2.0 Tujuan	2
3.0 Latar Belakang Syarikat	3
4.0 Latar Belakang Rakan Kongsi	4
5.0 Latar Belakang Projek	9
6.0 RANCANGAN PENTADBIRAN	
6.1 Matlamat Organisasi	14
6.2 Strategi Organisasi	15
6.3 Struktur Organisasi	16
6.4 Carta Organisasi	17
6.5 Senarai Pekerja Pengurusan	18
6.6 Spesifikasi Tugas	19
6.7 Imbuhan Balas Jasa dan Gaji	20
6.8 Rancangan Keperluan Pejabat	23
6.9 Rancangan Susun Atur Pejabat	24
6.10 Susun Atur Pejabat	25
6.11 Belanja Pentadbiran	26
7.0 RANCANGAN PEMASARAN	
7.1 Analisa Pemasaran	28
7.2 Ramalan Jualan	37
7.3 Rancangan Pemasaran	38
7.4 Belanja Pemasaran	42
7.5 Kad Perniagaan	43

1.0 PENGENALAN

Pada hari ini perniagaan hiasan dalaman semakin mendapat perhatian di kalangan umum dan dijangkakan bidang ini akan terus berkembang menjelang tahun 2000 dan mampu memberikan saingan yang hebat dengan perniagaan lain yang setanding dengannya. Walau bagaimanapun, tidak ramai di kalangan bumiputera yang berani menceburkan diri dalam bidang ini.

Sememangnya bidang hiasan dalaman ini mampu untuk memberikan pulangan yang lumayan, oleh yang demikian kami telah bersepakat untuk menceburkan diri dalam bidang yang kian mencabar ini dan telah bersetuju memilih nama syarikat kami sebagai Idyllique Design & Deco dengan modal sebanyak RM 200,100.

Idyllique Design & Deco menawarkan perkhidmatan rekabentuk dan hiasan dalaman bagi rumah yang merangkumi langsir, kertas dinding, bidai, comfoter dan cadar serta kabinet dapur. Syarikat kami akan mula beroperasi pada 1 Januari 2001 beralamat di No 16, Jalan Tengku Ampuan Zabedah D, 9/D, Seksyen 9, 40000 Shah Alam, Selangor.

Kami amat berharap perkhidmatan yang ditawarkan ini dapat mencapai objektif syarikat kami dan memberi manfaat kepada para pelanggan.

Kami juga amat berharap agar semua pihak dapat memberikan sokongan untuk menjayakan projek ini.

Sekian, terima kasih.